

KENYATAAN MEDIA

PENJUALAN PERMIT BAZAR RAMADAN TAHUN 2012 DIKAWASAN BANDARAYA PETALING JAYA

Sempena dengan bulan Ramadan yang bakal tiba, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan mengadakan sesi penjualan borang permohonan permit Bazar Ramadan 2012 di kawasan Petaling Jaya.

Penjualan borang ini akan diadakan pada 17 Mei 2012 iaitu pada hari khamis bermula jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari. Orang ramai boleh datang untuk mendapatkan borang-borang tersebut di Stadium Petaling Jaya, Jalan SS7/15 Kelana Jaya.

Sebagai makluman, pada tahun ini Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan sebanyak 1,673 petak di 21 buah lokasi Bazar Ramadan. Zon Petaling Jaya Selatan (PJS), pihak Majlis akan menyediakan sebanyak 900 tapak gerai di 11 lokasi berbeza. Di Seksyen 17/1A pihak Majlis akan menyediakan sebanyak 100 tapak gerai, 70 tapak di Seksyen 14/27, 10 tapak di Seksyen. 8 Sg. Jernih, 27 tapak di Stesyen Bas Jalan Othman, 40 tapak di Kg. Baiduri 51 A, 80 tapak SS 8 Sg. Way, 250 tapak SS 6/1 Kelana Jaya, 40 tapak di Desa Mentari PJS 6/5, 55 tapak di PJS 6/3 Kg. Lindungan, 78 tapak di Taman Sri Manja PJS 1/30, dan 150 tapak di Taman Medan.

Bagi Zon Petaling Jaya Utara (PJU) pula, pihak Majlis telah memilih 10 lokasi utama dan akan menyediakan sebanyak 773 tapak gerai di kawasan tersebut. Antaranya di Lembah Subang, pihak Majlis akan menyediakan sebanyak 50 tapak gerai, Kg. Sungai Kayu Ara 50 tapak, Pelangi Damansara 50 tapak, Prima Damansara 40 tapak, (Vista Business Apartment) Damansara Damai 166 tapak, Apartment Meranti Sri Damansara 80 tapak, Seksyen 4 Kota Damansara 80 tapak, Seksyen 5 Kota Damansara 12 tapak, Seksyen 6 Kota Damansara 175 tapak dan sebanyak 70 tapak lagi di Seksyen 7 Kota Damansara.

Borang permohonan permit bazaar Ramadan ini akan dijual pada harga RM 5.00 senaskah dan setiap permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke Bahagian Perlesenan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis memohon jasa baik dan kerjasama pihak media massa untuk membuat hebahan kepada orang ramai. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Bahagian Perlesenan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46000 Petaling Jaya, di talian 03-79604667.

Di sediakan oleh:

Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : pcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-
6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my